

02 NOV 2001

Sukan-Mahathir (Atlit)

PM MINTA ATLIT MALAYSIA BERLATIH BERTERUSAN

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta semua atlit yang mewakili negara agar menjalani latihan berterusan bagi memastikan kejayaan lebih gemilang pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, sekiranya atlit menjalani latihan yang berterusan, mereka pastinya mendapat kelebihan yang luar biasa, selain memperbaiki prestasi masing-masing.

"Dalam bidang sukan, latihan sangat penting. Kata orang latihan buat kita sempurna. Kalau kita berlatih dengan betul-betul minat, kita boleh lakukannya," katanya ketika berucap pada majlis makan malam meraikan atlit negara yang memenangi pingat emas pada temasya Sukan SEA ke-21 di sini, malam ini.

Beliau berkata, sekiranya atlit tidak yakin bahawa mereka boleh melakukannya dan tidak melatih diri secara serius, maka mereka tidak akan dapat memperbaiki kualiti diri masing-masing.

"Kita harapkan di masa depan atlit kita dalam semua bidang akan mencapai kejayaan yang cemerlang dan dalam Sukan Asia dan Sukan Olimpik mungkin kita dapat memenangi pingat-pingat emas," katanya.

Menurut Dr Mahathir, kejayaan yang lebih gemilang pada peringkat antarabangsa mampu meletakkan rakyat Malaysia sebagai bangsa yang terkenal dalam dunia sukan.

"Inilah harapan kita. Kita memerlukan sedikit masa. Bersabarlah, tetapi berlatih dan terus berlatih. Jadikan diri anda sentiasa dalam keadaan yang baik. InsyaAllah, kita mampu menangi banyak lagi pingat emas," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau gembira kerana atlit Malaysia mampu merangkul 111 pingat emas, 75 perak dan 85 gangsa, sekali gus muncul juara keseluruhan buat kali pertama pada temasya Sukan SEA.

"Saya mengucapkan tahniah kepada mereka yang memenangi 111 pingat emas, yang memenangi pingat perak dan pingat gangsa. Saya harap mereka akan cuba lagi," katanya.

Dr Mahathir turut melahirkan keyakinannya pada temasya Sukan Asia di Pusan tahun depan serta Sukan Olimpik Athens pada 2004, atlit Malaysia mampu membuktikan bahawa mereka boleh bertindak cemerlang.

-- BERNAMA

HRS AFY ZB